



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 3 petang, 15 Oktober 2024

Untuk Terbitan Media
15 Oktober 2024

SIARAN MEDIA

CARUMAN SKSSR CECAH 95 PERATUS SASARAN ALERT: PERKESO TERIMA DANA TAMBAHAN RM86.2j UNTUK CARUMAN SKSPS

KUALA LUMPUR: Pendaftaran caruman Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) kini mencecah 95 peratus daripada 500,000 sasaran yang ditetapkan untuk 2024.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, ketika mengumumkan perkara itu berkata seramai 474,982 individu kini mencarum SKSSR menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) setakat 30 September lalu.

Katanya, prestasi pencapaian yang mencerminkan tekad kerajaan untuk menyebarkan perlindungan keselamatan sosial supaya turut mencakupi sektor ekonomi ihsan itu sekali gus memberi keyakinan bahawa sasaran pencarum SKSSR dapat dicapai menjelang akhir tahun ini.

“Fleksibiliti dalam kaedah pembayaran caruman yang boleh dibuat sama ada oleh suami, suri rumah sendiri, ahli keluarga atau pihak ketiga dikenal pasti antara faktor penyumbang kepada kejayaan skim ini.

“Dari segi statistik sehingga 31 Ogos lalu, SKSSR meluluskan 1,480 kes tuntutan dengan melibatkan penyaluran faedah berjumlah lebih RM2.7 juta,” katanya pada ucap-tama Majlis Sambutan Deepavali KESUMA PERKESO 2024, di Pusat Komuniti Sentul Perdana, di sini, hari ini.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Datuk Azman Mohd Yusof, Pengerusi Lembaga PERKESO, Dato’ Sri Subahan Kamal dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato’ Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed.

SKSSR adalah jaringan keselamatan sosial yang diwartakan dan ditawarkan sejak Disember 2022 untuk wanita dalam sektor 'care economy' atau ekonomi ihsan yang menyediakan dua bentuk perlindungan utama iaitu Perlindungan Bencana Domestik dan Perlindungan Keilatan, dengan kadar caruman berpatutan RM10 sebulan.

Dalam perkembangan berkaitan, Steven Sim turut berkongsi bahawa PERKESO menerima dana tambahan RM86.2 juta bagi menyediakan geran padanan caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) menerusi inisiatif SPS Madani dan SPS Padanan Caruman.

Susulan kecaknaan kerajaan ke arah memastikan aspek keterangkuman perlindungan sosial itu, beliau berkata, permohonan untuk SPS MADANI dan SPS Padanan Caruman terus dibuka hingga 31 Disember ini kepada individu daripada 20 sektor pekerjaan sendiri.

“Sehingga 4 Oktober lalu, sebanyak 697,787 individu mencarum dalam SKSPS, dengan 4,052 kes tuntutan yang diproses dan pembayaran faedah keseluruhan melebihi RM19.2 juta.

“Sambutan menggalakkan ini mencerminkan keberkesanan faedah perlindungan supaya memastikan kelangsungan pendapatan sekiranya ditimpa bencana tidak pernah dipinggirkan walaupun untuk pekerja di sektor tidak formal,” katanya.

Pada majlis yang berlangsung penuh meriah itu, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) menerusi PERKESO turut menyantuni 140 anak yatim dan ibu tunggal serta menyalurkan faedah kepada 14 penerima dengan nilai keseluruhan berjumlah lebih RM118,000.

Selain itu, tujuh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan badan kebajikan menerima sumbangan kewangan dengan nilai kumulatif berjumlah RM70,000 menerusi tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dijalankan KESUMA melalui PERKESO, demi memastikan kelangsungan operasi badan berkenaan dalam menyantuni golongan memerlukan.

Penyaluran bantuan dan faedah ini merupakan antara usaha KESUMA dan PERKESO dalam meringankan beban penerima, sekali gus diharap berupaya membawa keceriaan ketika mereka giat melakukan persiapan pesta cahaya ini.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘*no one left behind*’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

15 Oktober 2024

Untuk pertanyaan media, sila hubungi: Ikliil

Fatihah Kamal Redzuan

+6019-7107479

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my